

IMPAK PSIKOSOSIAL FENOMENA 'OFFICE HUSBAND/WIFE' DALAM KONTEKS KOMUNITI RAPAT: SATU KAJIAN KUALITATIF TERHADAP WANITA TERKESAN DI NEGERI PERLIS

Siti Norayu Mohd Basir*, Nor Hudiin Danu,
Nor Hafizan Habib Sultan, Noor Salwani Hussin

*Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi
Universiti Malaysia Perlis
Kampus UniCITI Alam, 02100 Padang Besar, Perlis, Malaysia*

* norayu@unimap.edu.my

ABSTRAK

Kecurangan dalam institusi kekeluargaan kini dikesan sebagai punca kedua tertinggi berlakunya kes perceraian di Malaysia. Seiring dengan transisi dinamika pasaran buruh moden, sempadan profesionalisme di tempat kerja dilihat semakin kabur sehingga mencetuskan fenomena "Office Husband" atau "Office Wife". Hubungan keakraban emosi melampau yang asalnya bermula daripada fasa persahabatan ini sering kali berkembang menjadi ruang perkongsian intim yang mengetepikan pasangan sah. Di sebalik dakwaan kononnya hubungan tersebut merupakan satu takdir di luar kawalan, sorotan teologi menerusi *Surah Ibrahim Ayat 22* membuktikan bahawa kecurangan seumpama ini merupakan suatu pilihan tindakan yang dibuat secara sedar oleh pelaku. Kajian ini bertujuan untuk meneroka pembentukan fenomena kecurangan emosi di tempat kerja, menganalisis implikasi trauma perkahwinan terhadap kesihatan mental wanita, serta menilai ruang intervensi sokongan kekeluargaan oleh agensi berkaitan di Perlis. Berasaskan pendekatan kualitatif, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes pelbagai yang melibatkan tiga (3) orang responden wanita terkesan di Negeri Perlis melalui persampelan bertujuan. Bagi memelihara etika kerahsiaan mutlak dan keselamatan emosi subjek daripada risiko cetusan semula trauma, data primer akan dikutip menggunakan kaedah jurnal reflektif melalui Borang Refleksi Kajian Berstruktur Teks, yang seterusnya dianalisis menerusi kaedah analisis tematik. Sorotan awal dapatan literatur mendapati wujudnya corak trauma mendalam pada minda isteri seperti kemurungan dan kekeliruan keresahan akibat daripada impak trauma pengkhianatan serta manipulasi psikologi oleh pasangan. Ditambah pula dengan karakteristik sosio-persekitaran Perlis sebagai sebuah komuniti rapat (*close-knit community*), mangsa dijangka cenderung memilih kaedah daya tindak memendam rasa kerana bimbang akan stigma sosial dan pendedahan aib keluarga. Implikasi kajian ini memperlihatkan peri pentingnya pemahaman mendalam terhadap dinamika kecurangan emosi kontemporari demi membantu agensi berkaitan memperkukuh strategi intervensi dan kelangsungan fungsi institusi kekeluargaan secara menyeluruh di Negeri Perlis.

Kata Kunci: *Office Husband/Wife*, Kecurangan Emosi, Trauma Pengkhianatan, Komuniti Rapat, Perlis.

PENGENALAN

Dalam kerangka pembinaan negara bangsa (*nation-building*), institusi kekeluargaan bukan sekadar unit sosial yang paling asas, malah ia merupakan tunjang utama kepada kestabilan sosioekonomi dan ketahanan nasional sesebuah negara. Di Malaysia, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) memainkan peranan sebagai agensi dasar awam yang secara konsisten merangka pelbagai intervensi menerusi program berteraskan

kluster kependudukan dan pembangunan keluarga bagi memastikan kesejahteraan domestik rakyat sentiasa terpelihara.

Walau bagaimanapun, mendepani arus pemodenan landskap pekerjaan dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini (2024–2026), sempadan antara profesionalisme di pejabat dan ruang peribadi domestik dilihat semakin kabur. Transisi budaya kerja yang dinamik, waktu bekerja yang panjang (sekitar lapan jam sehari, lima hingga enam hari seminggu), serta kebergantungan tinggi kepada aplikasi komunikasi digital secara tidak langsung telah mengubah ekologi tempat kerja menjadi ruang sosial yang sangat intim. Realiti sosiologi ini telah melahirkan satu fenomena baharu yang mencabar keutuhan institusi keluarga, iaitu fenomena yang dikenali sebagai "*Office Husband*" atau "*Office Wife*" (Suami/Isteri Pejabat). Fenomena ini merujuk kepada pembentukan keakraban emosi yang melampau atau kecurangan emosi (*emotional infidelity*) antara dua rakan sekerja berlainan jantina yang masing-masing telah mempunyai pasangan yang sah. Dilihat dari lensa dinamik ruang dan gender di tempat kerja, hubungan ini kebiasaannya bermula di sebalik topeng 'sekadar kawan' sepejabat atas urusan profesional, sebelum ia berevolusi menjadi ruang perkongsian emosi, luahan masalah peribadi, dan kebergantungan psikologi yang intim.

Meskipun fenomena ini sering kali dinormalisasikan kerana bermula tanpa pencerobohan sentuhan fizikal, implikasi psikososial dan keretakan emosi yang dicituskannya terhadap pasangan sah di rumah adalah sangat memusnahkan. Bagi wanita yang menjadi mangsa, penipuan dan manipulasi emosi yang berlaku di luar batasan rumah tangga ini telah mencetuskan trauma pengkhianatan (*betrayal trauma*) yang berat. Apabila digabungkan dengan tekanan sosiobudaya komuniti setempat yang meletakkan stigma "aib" kepada krisis domestik, kelangsungan mental wanita berdepan risiko yang sangat kritikal, sekali gus menuntut penelitian semula terhadap keberkesanan jaringan keselamatan sosial dan intervensi institusi keluarga yang disalurkan oleh kerajaan.

PERNYATAAN MASALAH

Kebanyakan kajian terdahulu mengenai isu konflik dan perceraian rumah tangga dalam kalangan masyarakat Islam di rantau ini (termasuk Malaysia dan Singapura) terlalu berfokus kepada pembuktian kes kecurangan fizikal (seperti perzinaan, khalwat, atau poligami tanpa kebenaran) serta prosedur perundangan yang jelas di Mahkamah Syariah (Abdullah & Yaacob, 2012; Maideen, 2021). Walau bagaimanapun, wujud lompang kajian (*research gap*) yang besar dalam membincangkan isu kecurangan emosi (*office husband/wife*) yang bersifat abstrak namun amat merosakkan (Fincham & May, 2017). Kecurangan emosi di tempat kerja bukanlah berlaku secara tidak sengaja atau sekadar 'kemalangan takdir', tetapi ia merupakan satu pilihan yang dibuat secara sedar oleh pelaku, melibatkan pembohongan serta perancangan teliti untuk menyembunyikannya daripada pasangan sah (Blow & Hartnett, 2005; Haseli *et al.*, 2019).

Konflik kecurangan emosi ini menjadi lebih destruktif apabila ia diiringi dengan manipulasi psikologi yang terancang, khususnya melalui amalan *gaslighting*. Memandangkan kecurangan emosi merupakan satu pilihan sedar yang melibatkan pembohongan dan penyembunyian fakta, pelaku sering kali menjadikan *gaslighting* sebagai mekanisme pertahanan utama untuk mengelak daripada kebertanggungjawaban. Dalam situasi ini, suami secara agresif akan memanipulasi realiti dengan menuduh isteri berhalusinasi, berfikir terlalu kolot, atau bersikap 'cemburu buta' apabila keakraban luar biasa bersama *office wife* mula dipersoalkan (Klein *et al.*, 2022; Sweet, 2019). Taktik penafian radikal ini bukan sahaja berfungsi untuk melindungi skandal yang sedang berlaku, malah ia secara halus memindahkan beban kesalahan (*blame-shifting*) kepada isteri, sehingga menyebabkan isteri mula meragui ketepatan naluri dan persepsinya sendiri.

Kesan rantaian daripada proses *gaslighting* yang berpanjangan ini akhirnya mencetuskan kemusnahan psikologi yang kritikal terhadap mangsa. Ia secara perlahan-lahan meruntuhkan konsep sendiri, menghakis kewarasan, dan memusnahkan kesihatan mental isteri, yang secara klinikalnya dikategorikan sebagai Trauma Pengkhianatan (*Betrayal Trauma*) (Freyd, 1996; Warach & Josephs, 2021). Kecederaan emosi yang parah ini berlaku bukan sekadar kerana kewujudan pihak ketiga di pejabat, tetapi berpunca daripada pengkhianatan sistem kepercayaan oleh individu yang paling diharapkan sebagai pelindung dalam institusi perkahwinan. Akibat penipuan yang dimanipulasi secara berterusan ini, isteri sering terperangkap dalam kekeliruan kognitif dan kebimbangan kronik, yang menyukarkan mereka untuk mencari jalan penyelesaian atau menuntut keadilan emosi.

Melokalisasikan isu kecurangan emosi ini ke negeri Perlis memberikan satu dimensi kajian yang unik. Sebagai sebuah negeri dengan struktur geografi yang kompak dan kepadatan penduduk yang relatif kecil, rantaian ekonomi utamanya dipelopori oleh sektor perkhidmatan awam dan sub-sektor domestik (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Mobiliti pekerja dalam radius geografi yang kecil di kawasan seperti Kangar dan Arau secara logiknya mewujudkan kekerapan interaksi bersemuka yang tinggi antara rakan sekerja yang sama dalam tempoh yang lama. Berdasarkan kajian terkini dalam gelagat organisasi, interaksi harian yang berulang dan perbualan santai di ruang kerja yang terhad merupakan pemangkin kuat kepada pembinaan keakraban sosial (Methot *et al.*, 2021). Kekerapan pendedahan fizikal yang berterusan ini secara perlahan-lahan meruntuhkan sempadan profesional, di mana perkongsian tugas mula beralih kepada luahan masalah peribadi. Proses transisi ini amat berisiko kerana ia mendedahkan pekerja kepada kecurangan emosi satu bentuk pelanggaran sempadan hubungan yang selalunya terbentuk secara berperingkat hasil daripada keakraban rakan sekerja tanpa niat romantik pada awalnya (Guitar *et al.*, 2017).

Lebih merumitkan keadaan, karakteristik masyarakat Perlis yang bersifat komuniti rapat (*close-knit community*) mewujudkan satu cabaran psikososial yang tersendiri kepada mangsa. Berdasarkan kajian sosiologi dan psikologi komuniti, struktur sosial bersaiz kecil sering kali mempunyai tahap kawalan dan pengawasan sosial yang tinggi, yang secara langsung mendedahkan mangsa krisis rumah tangga kepada risiko stigma masyarakat yang lebih berat (Murray *et al.*, 2015). Apabila trauma perkahwinan akibat kecurangan emosi berlaku, wanita di Perlis sering kali terperangkap dalam fenomena "trauma senyap" (*silent trauma*). Tindakan memendam rasa atau pendiaman diri (*self-silencing*) ini merupakan satu mekanisme kelangsungan sosial apabila mangsa berhadapan dengan dilema yang tegang; iaitu antara merawat tekanan emosi yang meruncing akibat pengkhianatan, dengan ketakutan terhadap stigma sosial, penghakiman moral, serta pendedahan aib di tempat kerja mahupun di dalam komuniti setempat (Jack & Ali, 2010; Kennedy & Prock, 2016). Mereka berhadapan dengan dilema yang berat antara tekanan emosi yang meruncing dengan ketakutan terhadap stigma sosial, penghakiman moral, serta pendedahan aib di tempat kerja mahupun di dalam komuniti setempat yang kecil.

Ketakutan terhadap kebocoran privasi ini mewujudkan kekangan kepada sistem sokongan, menyebabkan wanita yang terkesan enggan tampil untuk mendapatkan khidmat kaunseling di peringkat awal. Tanpa sebarang intervensi berasaskan bukti, trauma ini berpotensi meruntuhkan institusi kekeluargaan di Perlis secara senyap. Oleh itu, satu penilaian objektif terhadap bagaimana fenomena ini berlaku dan bagaimana agensi seperti LPPKN Perlis boleh bertindak balas adalah sangat kritikal untuk dilaksanakan.

SOROTAN LITERATUR

Fasa Perkembangan Skandal Tempat Kerja

Kecurangan di tempat kerja bukanlah satu isu domestik yang terasing, melainkan satu fenomena global yang semakin meruncing. Menurut data daripada American Association for Marriage and Family Therapy (2022), dianggarkan sekitar 15% wanita dan 25% lelaki mengaku pernah terlibat dalam skandal di tempat kerja. Di peringkat domestik pula, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) merekodkan bahawa isu kecurangan merupakan punca kedua tertinggi berlakunya perceraian dalam institusi perkahwinan di Malaysia. Dari kacamata pembinaan negara bangsa (*nation-building*), kelumpuhan institusi keluarga akibat perceraian ini bukan sekadar krisis peribadi, sebaliknya merupakan satu ancaman langsung kepada kestabilan demografi dan fabrik sosioekonomi negara yang menuntut penilaian semula terhadap dasar pengukuhan keluarga.

Fasa perkembangan skandal di tempat kerja lazimnya melalui proses evolusi yang didorong oleh landskap pekerjaan moden. Keadaan masa kini yang menuntut waktu bekerja yang berpanjangan, interaksi berterusan melalui komunikasi digital, serta tekanan profesional yang diharungi bersama telah mengubah fungsi ruang kerja menjadi sebuah platform sosial (Zito *et al.*, 2022). Ketiadaan garis panduan dasar persekitaran kerja yang melindungi sempadan kesejahteraan keluarga secara tidak langsung menggalakkan pendedahan emosi dan keakraban psikologi yang melampau, sekali gus secara perlahan-lahan mengaburkan sempadan antara kehidupan peribadi dan profesionalisme para pekerja. Keruntuhan sempadan profesionalisme ini mula berlaku apabila perbualan tugas pejabat dicampur aduk dengan luahan emosi peribadi dan masalah rumah tangga. Transisi ini amat berisiko kerana ia secara halus mengubah empati rakan sekerja menjadi simpati romantis yang terlarang, menyebabkan apa yang bermula sekadar persahabatan biasa berevolusi menjadi hubungan intim. Literatur psikologi terkini membuktikan bahawa proses ini sering menjerumuskan pekerja ke dalam kancah kecurangan emosi tanpa disedari.

Individu yang terlibat sering kali menafikan kecurangan ini atas alasan ketiadaan sentuhan fizikal. Namun, amalan mengekalkan komunikasi secara rahsia, berkongsi perasaan atau rahsia peribadi, serta lebih bergantung kepada rakan sekerja untuk sokongan emosi berbanding pasangan sah merupakan ciri-ciri jelas kecurangan emosi (Rahman, 2025). Walaupun tanpa hubungan fizikal, keintiman mental dan emosi yang terbina di pejabat ini boleh menjadi jauh lebih mendalam berbanding hubungan bersama pasangan utama di rumah. Hakikatnya, pelanggaran sempadan kesetiaan dan perkongsian intimasi emosi bersama pihak ketiga sudah cukup untuk ditakrifkan sebagai satu bentuk pengkhianatan yang berat. Elemen teras dalam apa jua bentuk kecurangan bukanlah tertumpu kepada tindakan fizikal semata-mata, sebaliknya berakar umbi daripada kerahsiaan dan pelanggaran kepercayaan yang memusnahkan kontrak perhubungan yang telah dipersetujui secara bersama (Rahman, 2025).

Dalam konteks sosiologi politik dan kenegaraan, jika kestabilan sesebuah negara berpaksi kepada integriti dan kontrak sosial, keutuhan institusi keluarga sebagai unit mikrokosmos negara pula bergantung mutlak kepada kontrak kesetiaan ini. Pelanggaran amanah melalui kecurangan emosi di ruang pekerjaan secara tidak langsung mencerminkan defisit integriti moral yang, jika dibiarkan menular khususnya dalam sektor awam, mampu menghakis nilai etika masyarakat secara keseluruhan. Oleh hal yang demikian, kecurangan emosi sering dianggap lebih memusnahkan berbanding kecurangan fizikal kerana ia menyerang secara langsung teras paling penting dalam sesebuah perkahwinan serta asas ketahanan negara iaitu kesatuan emosi dan kepercayaan.

Teori Trauma Pengkhianatan dan Impak *Gaslighting*

Kajian ini bersandarkan kepada Teori Trauma Pengkhianatan yang menjelaskan kesan psikologi apabila individu yang paling dipercayai iaitu pasangan hidup merobek sistem kepercayaan mangsa (McNally, 2007; Warach & Josephs, 2021). Trauma pengkhianatan akibat kecurangan ini memanifestasikan simptom klinikal yang teruk, termasuk kemurungan kronik, gangguan keseimbangan melampau, dan kecelaruan kognitif yang sering kali menyamai simptom Gangguan Stres Pascatrauma (PTSD) (Warach & Josephs, 2021). Menurut analisis psikologi yang lebih terperinci, penderitaan mental yang dialami oleh mangsa yang dikhianati melibatkan rasa sakit emosi yang mendalam, fasa ketidakpercayaan, kemarahan yang mendalam, serta keraguan terhadap diri sendiri. Keadaan ini bertambah buruk apabila memori yang tidak diinginkan serta kecurigaan yang berterusan mula mengganggu keupayaan fungsi kehidupan seharian mangsa. Kemusnahan asas kepercayaan ini mencetuskan trauma berasaskan keterikatan, memandangkan individu yang sepatutnya menjadi sumber perlindungan kini berubah menjadi punca ancaman emosi yang terbesar.

Berdasarkan kajian psikologi terkini, *gaslighting* merupakan satu bentuk penderaan emosi yang terancang, di mana pelaku secara sedar memilih untuk memanipulasi realiti dan persepsi isteri bagi menutup kesilapan mereka (Klein *et al.*, 2022). Dalam konteks kecurangan di tempat kerja, taktik manipulasi ini lazimnya bermula apabila isteri menyuarakan kebimbangan terhadap perubahan tingkah laku suami atau keakraban yang mencurigakan bersama rakan sekerja wanita. Daripada mengakui pelanggaran batas hubungan tersebut, pelaku menggunakan taktik ini untuk mengelakkan kebertanggungjawaban, lantas secara halus memindahkan beban kesalahan kepada mangsa. Pelaku sering kali menyerang karakter mangsa dengan melabelkan isteri sebagai individu yang terlalu cemburu, paranoid, atau berfikiran sempit, yang secara langsung membuatkan isteri mula meragui kewarasan serta ketepatan nalurnya sendiri. Manipulasi kognitif yang berterusan ini sering kali didorong oleh kecenderungan narsistik dan kekurangan empati, di mana pelaku bertindak mementingkan diri untuk memenuhi kehendak peribadi tanpa mempedulikan keperitan emosi yang ditanggung oleh pasangan. Tindakan mengekalkan kerahsiaan dan sentiasa mencipta alasan palsu sebegini menjadikan sebarang usaha untuk memulihkan kepercayaan di dalam rumah tangga suatu perkara yang mustahil. Penafian yang agresif dan berterusan ini bukan sahaja menghalang sebarang bentuk penyelesaian masalah yang sihat, sebaliknya ia memaksa mangsa untuk hidup terperangkap di dalam realiti yang diputarbelitkan. Akibat pendedahan kepada keraguan diri yang ekstrem ini, isteri akan mengalami kejatuhan harga diri yang drastik, kemusnahan kapasiti untuk dipercayai orang lain, serta penderitaan emosi yang mendalam. Rantai penderaan psikologi ini akhirnya mempercepatkan proses keruntuhan konsep diri isteri secara keseluruhan, menjadikan mereka mangsa kepada trauma pengkhianatan yang berpanjangan (Klein *et al.*, 2022).

Dari sudut teologi, tindakan memilih kecurangan dan memanipulasi mangsa ini bertepatan dengan peringatan dalam Surah Ibrahim, Ayat 22. Ayat tersebut menegaskan bahawa syaitan hanya mampu membisikkan godaan dan kesempatan, tetapi keputusan muktamad untuk melanggar batas moral dan melakukan kejahatan seperti menipu, merancang, dan menyembunyikan skandal kekal sebagai pilihan sedar individu tersebut. Pemahaman teologi ini amat selari dengan pandangan sosiologi dan psikologi moden, yang menegaskan bahawa teras utama kepada apa jua bentuk kecurangan ialah wujudnya elemen kerahsiaan dan pelanggaran kepercayaan yang direka bentuk secara sengaja (Rahman, 2025). Pelanggaran kontrak perhubungan yang tersirat ini meruntuhkan kestabilan emosi mangsa kerana ia mencerminkan satu penipuan yang dirancang dengan teliti. Oleh itu, trauma mendalam yang dialami oleh isteri tercetus secara langsung daripada siri pengkhianatan berencana oleh suami dan penyalahgunaan kepercayaan, dan bukannya berpunca daripada kelemahan mental isteri atau sekadar faktor luar kawalan.

Sosiologi Komuniti Rapat (*Close-Knit*), Dinamik Keetnikan, dan Cabaran Dasar Keselamatan Sosial

Sorotan literatur berkaitan sosiologi luar bandar dan komuniti bersaiz kecil menunjukkan bahawa struktur sosial sebegini mempunyai tahap pengawasan dan kawalan sosial yang sangat tinggi. Di Perlis (2024–2026), keterikatan sosial ini bertindak sebagai pisau dua mata bagi mangsa trauma perkahwinan. Di satu pihak, ia mengekalkan nilai kebersamaan dan ketimuran yang berakar umbi daripada identiti sosiobudaya dan keetnikan Melayu yang sangat menjunjung tinggi kehormatan institusi kekeluargaan namun di pihak lain, ia membina tembok stigma yang kebal. Seperti yang dibuktikan oleh analisis sosiologi terkini, amat sukar untuk merahsiakan sebarang pergolakan atau skandal dalam lingkaran sosial yang kecil dan rapat (Rahman, 2025).

Rahman (2025) menjelaskan fenomena ini dengan lebih mendalam dengan membandingkan dinamik sosial antara kawasan bandar dan luar bandar. Menurut beliau, kehidupan moden di bandar besar menawarkan tahap anonimiti yang tinggi, di mana ketiadaan akauntabiliti sosial membolehkan sesuatu isu kecurangan itu berlalu tanpa disedari. Sebaliknya, di dalam komuniti yang bersaiz kecil, tahap kebertanggungjawaban sosial terhadap pemeliharaan moral awam adalah sangat ketat, menjadikan sebarang bentuk skandal mustahil untuk disembunyikan. Sesuatu perbuatan atau kecurangan emosi yang mungkin tidak dipedulikan di bandar besar akan dengan pantas bertukar menjadi satu skandal yang amat mengaibkan di dalam komuniti kecil, dan akibat sosial yang terpaksa ditanggung oleh pihak yang terlibat lazimnya sangat berat dan menghukum.

Kajian oleh Dores Cruz *et al.* (2021) menyokong fenomena ini dengan membuktikan bahawa penyebaran gosip di dalam kelompok rangkaian yang padat bertindak sebagai mekanisme kawalan sosial tidak rasmi yang mampu meruntuhkan maruah dan reputasi seseorang dengan amat pantas. Ketakutan bahawa isu kecurangan emosi suami ini akan terbongkar, menjadi buah mulut masyarakat setempat, diadili secara moral, atau menjejaskan kredibiliti kerjaya terutamanya dalam ruang lingkup sektor awam di Perlis di mana penjawat awam sering diangkat sebagai cerminan integriti dan keluhuran kenegaraan telah mewujudkan suatu bentuk ketakutan berganda kepada mangsa. Bagi melindungi maruah keluarga dan mengelakkan stigma pandangan serong, isteri sering kali terpaksa meminggirkan penderitaan emosinya.

Melalui kajian Arpacı *et al.* (2025), ia mengesahkan bahawa ancaman kehilangan reputasi dalam persekitaran berstigma tinggi ini secara tidak langsung memaksa wanita memilih kaedah daya tindak memendam rasa (*self-silencing*). Tindakan mengunci mulut dan mempamerkan "fasad kebahagiaan" di khalayak ramai ini mencipta satu trauma senyap. Secara asasnya, kitaran pendiaman diri ini membawa kesan yang sangat merosakkan. Ia bukan sahaja menghalang mangsa daripada mencari ruang selamat, malah kegagalan mengawal regulasi emosi ini secara berterusan berisiko mencetuskan somatisasi, di mana penderitaan mental menjejaskan fungsi kesihatan fizikal isteri dengan lebih teruk (Arpacı *et al.*, 2025). Dari sudut pandang dasar awam, keengganan mangsa untuk tampil menuntut hak intervensi ini mewujudkan kelompangan yang besar dalam sistem jaringan keselamatan sosial. Kelumpuhan institusi kekeluargaan secara senyap ini, jika tidak ditangani, berpotensi menggugat kelestarian modal insan dan asas ketahanan nasional, lantas menuntut campur tangan strategik yang lebih proaktif daripada agensi pembuat dasar keluarga seperti LPPKN.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan tiga objektif utama:

1. Meneroka pembentukan fenomena *office husband/wife* di tempat kerja daripada perspektif wanita yang terkesan di Perlis.

2. Meneroka impak trauma perkahwinan (psikososial) yang dialami oleh isteri akibat kecurangan emosi tersebut, serta tekanan stigma sosiobudaya komuniti setempat terhadap kelestarian institusi kekeluargaan.
3. Menilai ruang penambahbaikan strategik dan dasar jaringan keselamatan sosial menerusi perkhidmatan sokongan keluarga LPPKN Perlis dalam menangani isu trauma sensitif ini.

Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah fenomena *office husband/wife* boleh terbentuk dan berevolusi dalam ekosistem serta landskap pekerjaan moden di Perlis?
2. Bagaimanakah kecurangan emosi di tempat kerja serta stigma komuniti setempat memberi impak terhadap kesejahteraan psikososial mangsa, sekali gus mengancam asas ketahanan institusi kekeluargaan?
3. Apakah bentuk penambahbaikan dasar dan intervensi strategik yang diperlukan terhadap perkhidmatan sokongan LPPKN Perlis bagi meningkatkan keberkesanan jaringan keselamatan sosial dan daya tindak kesejahteraan keluarga?

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi reka bentuk kajian kes pelbagai (*multiple case studies*). Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia berupaya meneroka makna tersirat, mentafsir naratif secara mendalam, serta memahami emosi dan pengalaman hidup sebenar subjek. Reka bentuk ini amat bertepatan dengan keperluan untuk menyiasat pengalaman trauma yang bersifat peribadi dan sensitif, di mana manifestasi emosi tersebut tidak boleh sekadar diukur atau diterjemahkan melalui angka dan statistik kuantitatif.

Persampelan Kajian (Responden)

Bagi memenuhi objektif kajian sambil memelihara keselamatan emosi serta privasi mangsa, kajian ini mengaplikasikan teknik Persampelan Bertujuan (*Purposive Sampling*). Seramai tiga (3) orang responden wanita telah dipilih secara khusus berdasarkan kriteria kemasukan berikut:

- i. Wanita yang berstatus isteri sah.
- ii. Menetap atau bekerja di dalam ruang lingkup lokaliti Negeri Perlis.
- iii. Pernah mengalami trauma perkahwinan akibat pembongkaran kes kecurangan emosi pasangan (*office husband/wife*) di tempat kerja.

Bagi mematuhi etika penyelidikan akademik yang ketat, identiti sebenar ketiga-tiga responden dirahsiakan sepenuhnya (*complete anonymity*). Identiti mereka telah digantikan dengan nama samaran (kod responden), iaitu Puan Aminah (Responden 1), Puan Basirah (Responden 2), dan Puan Chempa (Responden 3). Kajian ini secara sengaja mengehadkan saiz persampelan kepada tiga (3) kes mendalam bagi mengimbangi keperluan untuk mendapatkan naratif psikososial yang kaya dengan kawalan etika kerahsiaan yang ketat, terutamanya apabila mengambil kira konteks struktur komuniti yang rapat (*close-knit community*) di Negeri Perlis.

Instrumen dan Kaedah Kutipan Data

Demi menghormati sensitiviti isu dan mengurangkan risiko cetusan trauma semula (*retraumatization*) dalam kalangan mangsa, kajian ini menolak penggunaan pendekatan temu bual lisan bersemuka yang lazimnya bersifat kaku dan berpotensi mencetuskan tekanan

emosi. Sebaliknya, pengumpulan data primer dilaksanakan secara beretika menggunakan Kaedah Jurnal Reflektif (*Reflective Journaling*) melalui instrumen Borang Refleksi Kajian Berstruktur Teks.

Borang refleksi ini dibangunkan dengan memuatkan sembilan (9) soalan terbuka (*open-ended questions*) yang direka bentuk secara strategik untuk meneroka empat kluster utama kajian, iaitu:

- Tema 1: Persekitaran dan pembentukan dinamik hubungan di tempat kerja.
- Tema 2: Manipulasi psikologi (khususnya penggunaan taktik *gaslighting* oleh pelaku).
- Tema 3: Impak trauma terhadap kesejahteraan psikososial mangsa.
- Tema 4: Mekanisme daya tindak (*coping mechanism*) mangsa dan penilaian terhadap perkhidmatan sokongan LPPKN Perlis.

Penggunaan instrumen jurnal reflektif ini memberikan kelebihan metodologi yang signifikan kerana responden diberikan ruang peribadi, masa yang fleksibel, dan kebebasan sepenuhnya untuk merekodkan naratif luahan mereka dalam suasana yang dirasakan selamat tanpa sebarang ancaman dihakimi.

Analisis Data

Data berasaskan teks yang diperoleh daripada penulisan borang refleksi dianalisis secara sistematik menggunakan kaedah Analisis tematik bersandarkan kerangka standard Braun dan Clarke (2006). Pendekatan ini dipilih kerana kemampuannya mengekstrak makna tersirat daripada penceritaan mangsa. Proses penganalisisan data ini memfokuskan kepada tiga fasa utama:

- i. Familiarisasi Data: Penyelidik membaca transkripsi penulisan refleksi responden secara mendalam dan berulang kali bagi menyelami konteks situasi, serta memahami intipati emosi yang cuba disampaikan oleh mangsa.
- ii. Penjanaan Kod: Proses pengkodan terbuka dilaksanakan untuk mengekstrak frasa, kata kunci, atau ayat signifikan daripada teks yang mewakili elemen-elemen penting (seperti pengalaman trauma, taktik penafian pelaku, ancaman stigma komuniti, atau keperluan sistem sokongan).
- iii. Pembentukan Tema: Kod-kod yang telah dijana dan mempunyai pola persamaan dikelompokkan secara logik untuk membentuk tema-tema utama. Tema-tema ini kemudiannya diselaraskan dan dipetakan kembali bagi memastikan ia menjawab persoalan serta objektif kajian secara holistik.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Respondan

Respondan 1: Puan Aminah (Bukan nama sebenar)

Puan Aminah merupakan seorang wanita berkerjaya yang telah mendirikan rumah tangga selama lebih kurang 14 tahun dan menetap di Negeri Perlis. Suami beliau berkhidmat di sektor awam, di mana skop penugasan suaminya kerap melibatkan aktiviti luar pejabat dan waktu kerja yang fleksibel. Isu kecurangan emosi ini mula dikesan apabila suami beliau membina keakraban luar biasa bersama seorang rakan sekerja wanita (*office wife*) dari jabatan yang sama. Puan Aminah telah berhadapan dengan konflik dan trauma pengkhianatan ini secara senyap selama setahun kerana bimbang akan stigma komuniti setempat sekiranya masalah rumah tangganya terbongkar.

Respondan 2: Puan Basirah (Bukan nama sebenar)

Puan Basirah telah melayari bahtera perkahwinan selama 12 tahun. Suami beliau merupakan seorang pekerja di sector swasta yang menuntut waktu berpanjangan dan tidak menentu. Pembongkaran terhadap kecurangan emosi suaminya bermula melalui penemuan jejak komunikasi digital seperti pertukaran mesej di facebook dan whatsapp. Walaupun pada awalnya komunikasi tersebut didakwa sekadar perbincangan tugas pejabat, ia perlahan-lahan berevolusi menjadi luahan perasaan peribadi dan perkongsian masalah rumah tangga. Puan Basirah menjadi mangsa manipulasi psikologi (*gaslighting*) yang agresif apabila cuba mempersoalkan hubungan tersebut, lantas mencetuskan kemurungan dan krisis keraguan diri yang teruk.

Respondan 3: Puan Chempa (Bukan Nama Sebenar)

Puan Chempa, yang telah mendirikan rumah tangga selama 20 tahun, berhadapan dengan krisis trauma ini apabila suami beliau yang berkhidmat dalam bidang pendidikan membina keakraban luar biasa dengan rakan sepasukan di tempat kerja. Hubungan terlarang (*office husband/wife*) tersebut bermula atas dasar simpati dan sokongan moral akibat tekanan profesional yang diharungi bersama, sebelum akhirnya meruntuhkan sempadan kesetiaan perkahwinan. Sebagai seorang wanita yang terikat dengan norma sosial, Puan Chempa terpaksa memilih pendekatan daya tindak memendam rasa (*internalized coping*) demi melindungi maruah keluarga.

DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS TEMA

Bahagian ini membentangkan hasil penganalisan data kualitatif yang diekstrak secara terperinci daripada instrumen jurnal reflektif ketiga-tiga responden (Puan Aminah, Puan Basirah, dan Puan Chempa). Secara keseluruhannya, luahan naratif, pengalaman peribadi, dan manifestasi emosi mangsa telah ditelaah serta dianalisis secara sistematik menggunakan kaedah Analisis Tematik (Braun & Clarke, 2006). Proses pengekodan data teks ini telah menghasilkan beberapa tema dan sub-tema utama yang dipetakan secara langsung kepada empat kluster instrumen kajian bagi menjawab ketiga-tiga. Bagi memastikan keaslian penceritaan dan kedalaman realiti psikososial mangsa terpelihara dengan utuh, hujah penyelidik bagi setiap tema di dalam subtopik ini disokong oleh bukti empirikal melalui penggunaan petikan langsung (*verbatim*) daripada teks tulisan responden sendiri.

Tema 1: Ekosistem Tempat Kerja dan Keruntuhan Sempadan Profesional

Tema pertama ini meneroka fasa awal pembentukan fenomena *office husband/wife* dan bagaimana lompang dalam dasar persekitaran kerja menjadikan pejabat sebagai inkubator kepada kecurangan emosi. Selari dengan literatur sosiologi oleh Rahman (2025) yang mendapati bahawa gaya hidup moden sering kali mengaburkan garis pemisah antara urusan profesional dan keakraban peribadi, analisis data daripada responden turut mendedahkan corak yang sama. Dari kacamata sosiologi ruang dan dasar awam, ketiadaan garis panduan yang jelas berhubung hak pengasingan ruang kerja dan ruang domestik telah membenarkan tuntutan rasmi dieksploitasi. Interaksi yang pada mulanya beralaskan tuntutan kerja harian, tugas luar, dan perkongsian tekanan di tempat kerja perlahan-lahan berevolusi menjadi kebergantungan emosi. Bahagian ini membentangkan bukti bagaimana sempadan kesetiaan itu mula runtuh apabila komunikasi rakan sekerja melangkaui waktu pejabat, lantas membuka ruang kepada pencerobohan ruang peribadi perkahwinan.

"...saya tahu dia staf bawahan suami saya.. rupa-rupanya di sebelah siang tadi ketika suami saya kata dia sedang 'beronline meeting' tapi pada waktu itulah sebenarnya dia sedang mengkhianat dibelakang saya." (Puan Aminah, Responden 1)

Berdasarkan petikan di atas, jelas dapat dilihat bagaimana landskap pekerjaan digital dieksploitasi sepenuhnya. Terma rasmi korporat seperti 'mesyuarat dalam talian' dimanipulasi sebagai alibi yang kebal untuk mengaburkan pandangan mangsa. Ini membuktikan bahawa ketiadaan pemisahan yang tegas antara waktu bertugas dan masa hak milik keluarga secara langsung meruntuhkan etika profesionalisme, lantas menjadikan sistem pekerjaan itu sendiri sebagai alat yang memfasilitasi kecurangan.

Lebih membimbangkan, pencerobohan sempadan ini boleh melangkaui ekosistem pejabat dan menular menjadi satu ancaman fizikal. Kes Puan Chempa (Responden 3) mendedahkan satu tahap evolusi fenomena yang sangat ekstrem, di mana skandal tersebut telah menembusi ruang privasi mutlak mangsa:

"Sedih sangat bila teringat skandal suami saya sanggup pindah satu taman dengan saya sebab nak dekat dengan suami saya... pelik kan cara Allah munculkan semua bukti? Satu hari tanpa diduga ada seorang lelaki yang saya tak kenal, msg saya dan beri semua bukti gambar berkenaan suami dan skandal. Perlis ni kecil saja, pergi mana-mana orang boleh kenal." (Puan Chempa, Responden 3)

Naratif ini membuktikan bahawa kecurangan emosi yang bermula di ruang lingkup pekerjaan atau secara maya bukanlah sekadar pelanggaran etika peribadi, sebaliknya memacu kepada perancangan manipulatif yang memusnahkan zon selamat (*safe space*) institusi keluarga. Dari lensa dasar keselamatan sosial, apabila tempat perlindungan utama mangsa (kediaman) telah diceroboh oleh pihak ketiga hasil daripada rentetan persekitaran kerja yang toksik, ia memberi isyarat amaran yang sangat jelas. Situasi ini menuntut campur tangan yang proaktif daripada institusi pembuat dasar untuk melindungi keutuhan keluarga daripada dieksploitasi oleh kelompok budaya kerja moden.

Tema 2: Pilihan Terancang, Manipulasi Psikologi dan Taktik *Gaslighting*

Tema kedua ini menganalisis tindak balas pelaku yang berusaha mengekalkan rahsia pengkhianatan tersebut serta penggunaan taktik *gaslighting*. Dapatan ini menyokong rumusan Klein *et al.* (2022) yang menegaskan bahawa manipulasi sebegini bukanlah reaksi tidak sengaja, sebaliknya merupakan penderaan emosi yang terancang. Dari perspektif kenegaraan dan sosiologi politik, keupayaan individu untuk merancang penipuan bersistematik dan menormalisasikan pembohongan di dalam unit asas masyarakat (keluarga) merupakan manifestasi kepada defisit integriti moral yang sangat kritikal. Naratif Puan Aminah mendedahkan usaha bersistematik pelaku untuk memastikan skandal kekal terselindung melalui penghapusan jejak digital:

"Oh ya, suami saya akan delete semua chat dengan skandalnya sebelum balik rumah. Dia akan pastikan telefon bersih. Set nama skandal pun dengan nama rasmi panggilan kerja..mereka berdua ni dah sepakat sama-sama,luar waktu pejabat kalau nak call ke,guna panggilan pejabat contoh encik,kak, puan. Dah bincang siap-siap.." (Puan Aminah, Responden 1)

Tindakan menyembunyikan peranti komunikasi dan memadam bukti digital secara rutin ini bukan sekadar pengkhianatan emosi, malah ia mendedahkan satu bentuk keruntuhan moral di mana pelaku mengeksploitasi kepintaran dan sumber untuk melindungi penyelewengan. Dalam kerangka pembinaan negara bangsa (*nation-building*), lompong integriti di peringkat mikro rumah tangga sebegini amat membimbangkan kerana individu yang selesa dengan amalan penipuan manipulatif di rumah mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk membawa budaya yang sama ke dalam ekosistem dan tatakelola pentadbiran di tempat kerja. Bagi Puan Chempa, persekitaran manipulatif ini telah disemai lebih awal melalui dominasi emosi oleh suami. Apabila dikonfrontasi dengan bukti kukuh, mekanisme pertahanan pertama pelaku adalah penafian mutlak untuk mengelirukan mangsa:

"Suami saya pun dari dulu memang sejenis kepala angin, cepat marah... Saya confront dia dan skandal lepas saya tahu semua benda dan mereka tak mengaku ya walaupun bukti depan mata. Last skali skandal yang merupakan isteri orang tu kata ala sekadar suka-suka di pejabat.. Suami kata dia tak ada sampai tidur semua sedangkan saya ada bukti yang dia sendiri bermesej tak sabar nak bersama dengan skandal dia." (Puan Chempa, Responden 3)

Dilihat dari lensa dinamika kuasa dan gender, karekter 'kepala angin' atau cepat marah ini sering dieksploitasi oleh pelaku sebagai mekanisme kawalan autokratik untuk menundukkan isteri. Taktik penafian mutlak yang dipamerkan, walaupun setelah dihidangkan dengan bukti empirikal, adalah kemuncak kepada pencerobohan minda (*gaslighting*). Tindakan pelaku yang memiliki telefon sekunder dan menafikan kecurangan fizikal walaupun dihidangkan dengan bukti jelas membuktikan bahawa terdapat pilihan secara sedar untuk memanipulasi persepsi dan meminimumkan kewarasan mangsa.

Bentuk manipulasi berstruktur sebegini mengesahkan bahawa kelumpuhan mental yang dialami oleh wanita bukanlah berpunca daripada kelemahan peribadi mereka, tetapi akibat terperangkap dalam persekitaran penderaan psikologi. Realiti ini menuntut penggubal dasar dan agensi seperti LPPKN untuk merangka instrumen intervensi yang tidak hanya memfokuskan kepada pemulihan kaunseling semata-mata, tetapi juga membina pemeraksanaan hak dan literasi wanita berhubung kelangsungan keadilan dan keganasan psikologi di dalam rumah tangga.

Tema 3: Impak Trauma Pengkhianatan dan Tekanan Stigma Komuniti

Bahagian ini mendalami manifestasi trauma pengkhianatan (*betrayal trauma*) yang ditanggung oleh isteri serta impak ekosistem sosiobudaya di Perlis terhadap kesejahteraan mental mangsa. Pendedahan mengenai kecurangan lazimnya mencetuskan kejutan kognitif yang ekstrem. Bagi Puan Aminah, pembongkaran skandal tersebut melumpuhkan fungsi pertimbangan warasnya pada peringkat awal:

"...akal saya berkali-kali menolak.. berharap apa yang saya baca hanyalah imaginasi dan saya sedang bermimpi... saya tak percaya, saya denial... saya menangis semahunya... saya menangis setiap kali solat.." (Puan Aminah, Responden 1)

Naratif ini amat signifikan kerana ia menunjukkan krisis kognitif mangsa yang terpaksa menelan kata-katanya sendiri. Dari sudut sosiologi gender, beban moral untuk mempertahankan institusi perkahwinan sering kali diletakkan secara tidak adil di bahu wanita. Ketakutan dinilai "bodoh" oleh orang luar (*stigma*) sentiasa membayangi keputusan mangsa yang memilih untuk terus kekal dalam perkahwinan toksik pada peringkat awal:

"Saya salah seorang isteri yang pernah bersumpah dan dengan tegas beritahu suami dan kawan-kawan saya tak kan boleh tolerate dengan curang. Suami xde duit, garang, kepala angin saya boleh terima..tapi curang is a big no. Sampailah Allah uji saya dengan suami curang, tahu tak saya kat mana? Ya, masih di sisi suami. Silakan cakap saya bodoh tapi mulai saat tu saya percaya yang Allah akan uji kita dengan apa yang kita sayang." (Puan Basirah, Responden 2)

Trauma ini turut memusnahkan harga diri dan mencipta defisit kepercayaan yang kronik. Puan Chempa meluahkan bagaimana rasa selamat di dalam rumah tangga hancur sepenuhnya, mencetuskan trauma yang berpanjangan. Defisit kepercayaan yang kronik ini bukan sahaja menghancurkan identiti isteri, malah ia meruntuhkan sepenuhnya 'kontrak sosial' perkahwinan yang merupakan unit paling asas dalam pembinaan kestabilan sesebuah komuniti:

"Luluh hati ini. Rasa nak pecah dada semua ada... Bila dah curang sampai ke katil tu, maksudnya dia tak takut dosa... Selalunya cheater ni nampak berubah sebab pecah tembelang je. Ingat ye, ular hanya akan tukar kulit, tapi dia tetap ular." (Puan Chempa, Responden 3)

Di samping trauma psikologi, mangsa turut dihipit oleh ketakutan terhadap ancaman penghinaan sosial. Menyokong kajian Dores Cruz *et al.* (2021) mengenai fungsi gosip sebagai senjata sosial, Puan Basirah (Responden 2) membuktikan bahawa komuniti yang rapat memaksa mangsa untuk menelan kesakitan tersebut secara bersendirian demi menjaga aib. Konsep menjaga aib yang berakar umbi dalam nilai keetnikan dan budaya Melayu ini, malangnya, telah berubah fungsi menjadi sejenis mekanisme kawalan sosial tidak rasmi yang memenjarakan suara mangsa:

"Jangan buat benda luar kawalan yang akhirnya boleh buka aib rumah tangga kita... Sebab sekali awak dah cerita pada orang, selamanya orang akan ingat walaupun masa tu awak dengan suami baik-baik saja... Walaupun dah setahun berlalu, nak lupa tu memang susah." (Puan Basirah, Responden 2)

Ketakutan kepada stigma masyarakat setempat ini secara tidak langsung menafikan hak wanita untuk mendapatkan keadilan emosi. Akibatnya, mangsa terpaksa menanggung trauma secara senyap demi mengekalkan fasad keluarga yang bahagia. Dari kacamata dasar awam, situasi ini mendedahkan kelompangan yang besar dalam fungsi jaringan keselamatan sosial sedia ada. Ia menuntut sebuah persekitaran intervensi yang benar-benar rahsia, selamat, dan berupaya melindungi mangsa daripada sebarang bentuk penghakiman atau ancaman reputasi oleh komuniti sekeliling.

Tema 4: Daya Tindak Memendam Rasa dan Keperluan Intervensi LPPKN

Tema terakhir ini menilai mekanisme daya tindak yang dipilih oleh mangsa serta unjuran keperluan sokongan melalui lensa dasar jaringan keselamatan sosial. Analisis mendapati variasi yang ketara dalam cara mangsa berhadapan dengan krisis. Terdapat mangsa yang cenderung menyalahkan diri sendiri (*self-blame*) dan rela melakukan pengorbanan ekstrem, seperti yang dialami oleh Puan Chempa:

"Saya mengaku memang saya salah, dan saya rasa apa yang jadi pada perkahwinan saya ni salah satu bentuk teguran dari Allah atas kelalaian saya mengejar dunia... Saya dah desak juga suami saya untuk jumpa perempuan tu dan saya cakap saya reda kalau dia nak kahwin dengan perempuan tu, tapi masalahnya perempuan tu isteri orang..Allahuakhbar" (Puan Chempa, Responden 3)

Dari kacamata sosiologi gender, tindakan menyalahkan diri sendiri dan rela bermadu ini adalah manifestasi kepada internalisasi nilai patriarki, di mana wanita sering kali dibebankan dengan tanggungjawab moral yang tidak seimbang untuk memikul beban atas kepincangan institusi keluarga, biarpun kesalahan tersebut dilakukan oleh pihak lelaki.

Namun, terdapat juga mangsa yang memilih pendekatan berasaskan kerohanian (*spiritual coping*) dan refleksi sendiri yang akhirnya membuahkan Pertumbuhan Pascatrauma (*Post-Traumatic Growth*). Puan Basirah memilih untuk memaafkan dan membina semula perkahwinannya:

"Bila jadinya benda macam ni, pertama sekali istighfar banyak-banyak... Lepas kejadian tu, saya banyak muhasabah diri saya. Saya tau saya pun banyak salah. Dan dia pun, banyak berubah... sejujurnya kesan dari benda ni sebenarnya hubungan kami suami isteri makin rapat, makin bahagia. tapi itulah, saya selalu diingatkan oleh kawan-kawan sekeliling, a cheater always a cheater" (Puan Basirah, Responden 2)

Dari sudut psikologi daya tindak, data turut merekodkan kecenderungan mangsa untuk melakukan penstrukturan semula kognitif. Mangsa cuba merasionalisasikan pengkhianatan tersebut dengan melebihkan sifat-sifat positif pelaku bagi mengurangkan kesakitan emosi yang ditanggung. Puan Basirah menjustifikasikan keputusannya untuk kekal bertahan dengan meletakkan fokus kepada rekod baik suaminya sebagai seorang bapa:

"Satu, sebab dia masih memilih saya dan ini yang pertama terjadi dan saya anggap ia adalah khilaf. Lagipun sebelum terjadinya skandal ni, dia suami, menantu, papa yang baik. Silap dia satu je, curang. Dan saya bagi diri saya peluang untuk terima dia dan sedapkan hati yang semua orang pernah lakukan kesalahan..." (Puan Basirah, Responden 2)

Petikan ini membuktikan bahawa mangsa menggunakan kaedah "menyedapkan hati" dengan melihat kecurangan sebagai satu kesilapan terencil berbanding karakter kekal pelaku. Ia adalah satu mekanisme perlindungan minda untuk mewujudkan justifikasi logik mengapa hubungan tersebut masih berbaloi untuk diselamatkan. Walaupun daya tahan individu sebegini menyelamatkan kelangsungan keluarga (sebagai unit asas negara), ia turut menyerlahkan realiti beban emosi yang terpaksa digalas sendirian oleh wanita.

Walau apa pun pendekatan yang diambil, naratif responden dengan jelas menonjolkan keperluan kritikal terhadap sokongan profesional. Lebih penting lagi, ia mendedahkan lompong struktur dalam penyampaian dasar perkhidmatan awam. Puan Aminah membuktikan bahawa proses pemulihan memerlukan bimbingan klinikal yang serasi, di samping meluahkan kekecewaan terhadap pendekatan kaunseling tradisional yang tidak mesra trauma:

"Saya ada mendapatkan kaunseling di agensi yang bertanggungjawab, tetapi saya perlukan beberapa kaunselor dari pelbagai agensi untuk mencari keserasian. Kenapa? Saya kecewa kerana kaunselor banyak menggunakan perkataan sabar sabar sabar...ya saya tahu saya kena sabar, saya dah cukup bersabar. Saya perlukan cara untuk keluar dari kesedihan saya. Ada seorang kaunselor yang ajar saya teknik mengurut suami. Sampai kena tukar cadar setiap minggu. Pelik saya. Ini ke kaunselor bertauliah? Sampailah saya jumpa seorg kaunselor yang betul-betul bantu saya. Bantu bagaimana? Bantu saya mencintai diri saya sendiri, uruskan emosi saya, tanpa abaikan trauma yang saya hadapi. Proses itu membantu saya untuk meneruskan perkahwinan, tetapi dalam masa yang sama saya terpaksa mengendalikan trauma ini. Ia adalah satu fasa berat dalam hidup saya." (Puan Aminah, Responden 1)

Naratif ini mendedahkan realiti silang agensi (*cross-agency reality*) yang amat membimbangkan. Nasihat segelintir pengamal bebas yang meminta mangsa sekadar 'bersabar' atau 'mengurut semula suami' mencerminkan kelompangan sensitiviti gender yang masih wujud dalam sebahagian ekosistem sokongan sosial. Pendekatan tradisional yang meletakkan beban pemulihan rumah tangga secara mutlak di bahu wanita yang sedang trauma ini bukan sahaja bersifat menyalahkan mangsa (*victim-blaming*), malah tidak lagi relevan dengan realiti dinamik keluarga moden.

Oleh hal yang demikian, luahan responden ini secara tidak langsung mengesahkan betapa pentingnya peranan LPPKN sebagai benteng utama jaringan keselamatan sosial keluarga. Penolakan mangsa terhadap metodologi kaunseling lapuk dari agensi luar membuktikan bahawa peranan LPPKN amat kritikal dalam menerajui standard intervensi kesejahteraan keluarga yang lebih progresif. Data kajian ini berfungsi sebagai nilai tambah yang menyokong keperluan LPPKN untuk terus memperluas dan mempromosikan inisiatif sokongan berteraskan penjagaan mesra trauma, pemeraksanaan wanita, dan pengurusan emosi. Melalui kepimpinan LPPKN dalam menawarkan perkhidmatan yang bebas daripada unsur penghakiman, mangsa akan lebih menyedari bahawa wujudnya ruang yang benar-benar selamat untuk mereka membina semula kapasiti psikososial dengan penuh maruah.

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian kualitatif ini telah berjaya merungkai dinamika fenomena *office husband/wife* dan impak trauma pengkhianatan (*betrayal trauma*) dalam kalangan wanita di Perlis dengan meletakkannya di bawah lensa dasar awam, sosiologi, dan kelestarian gender. Hasil kajian membuktikan bahawa kecurangan emosi di tempat kerja bukanlah sekadar krisis peribadi atau konflik rumahtangga yang terpencil, sebaliknya ia adalah manifestasi kepada kelompangan dasar persekitaran kerja moden. Transisi landskap pekerjaan masa kini dilihat gagal menyediakan garis panduan perlindungan ruang keluarga, lantas membenarkan tuntutan rasmi dieksploitasi untuk memfasilitasi pembentukan keakraban terlarang. Kelompok institusi kekeluargaan akibat manipulasi emosi dan pencerobohan ruang privasi domestik ini, jika dibiarkan tanpa intervensi berstruktur, berpotensi besar menggugat asas fabrik sosial masyarakat pada peringkat makro.

Penderitaan psikososial mangsa didapati menjadi semakin meruncing apabila realiti trauma ini bertembung dengan ekosistem sosiologi masyarakat bersaiz kecil seperti di Perlis. Kajian mendapati bahawa norma keetnikan dan budaya yang terlalu menekan aspek penjagaan aib telah diputarbelitkan fungsi dan nilai murninya menjadi satu bentuk kawalan sosial yang menghukum mangsa. Ancaman stigma masyarakat setempat dan ketakutan terhadap penghakiman awam ini secara tidak langsung memaksa wanita menelan beban emosi secara bersendirian dan memilih kaedah memendam rasa. Dinamika sosial yang menindas ini amat membimbangkan kerana ia bukan sahaja mengganggu proses penyembuhan mangsa, malah secara perlahan-lahan meruntuhkan ketahanan psikologi mereka dari dalam.

Di samping itu, dapatan kajian turut mendedahkan kelemahan kritikal dalam sistem sokongan intervensi luaran yang masih bergantung kepada pendekatan kaunseling tradisional. Pengalaman mangsa yang berdepan dengan segelintir pengamal bebas yang bersifat bias gender dan menyalahkan mangsa seperti meletakkan tanggungjawab memulihkan rumahtangga secara mutlak di bahu isteri yang sedang trauma membuktikan bahawa perkhidmatan sedemikian tidak lagi relevan. Mangsa trauma pengkhianatan pada hari ini amat memerlukan sistem sokongan yang bukan sahaja memahami kedalaman luka emosi mereka, tetapi juga berteraskan pemerikasaan nilai diri (*self-love*) yang mampu memulihkan semula kewarasan dan maruah diri dengan adil.

Dari perspektif dasar awam dan pembinaan negara bangsa, ketahanan sesebuah negara bermula daripada kestabilan unit mikronya, iaitu institusi keluarga. Oleh itu, menangani krisis trauma pengkhianatan ini memerlukan anjakan paradigma yang drastik, daripada sekadar menyelesaikan masalah rumahtangga kepada pengukuhan jaringan keselamatan sosial. Dalam konteks ini, institusi pembuat dasar keluarga, khususnya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), berada di posisi yang paling strategik untuk memimpin pembaharuan tersebut. LPPKN dilihat sebagai pelopor yang sangat diperlukan untuk terus memperluas tawaran modul sokongan keluarga yang berteraskan penjagaan mesra trauma (*trauma-informed care*) dan peka gender, sekali gus menjadi model penanda aras kepada keseluruhan ekosistem perkhidmatan sosial negara.

RUJUKAN

- Abdullah, R., & Yaacob, M. A. (2012). Perceraian dalam kalangan umat Islam di Malaysia: Kajian dari perspektif perundangan Islam. *Jurnal Syariah*, 20(3), 315-336.
- Arpaci, R., Can Karabörklü, Z., & Tanrıverdi, D. (2025). The hidden cost of emotion regulation difficulties: Exploring the correlation between self-silencing and somatization in women. *Journal of Rational-Emotive & Cognitive-Behavior Therapy*, 43, 1-17. <https://doi.org/10.1007/s10942-025-00609-x>

- Blow, A. J., & Hartnett, K. (2005). Extramarital affairs in marriage: A review of the literature. *Journal of Marital and Family Therapy*, 31(2), 183-214. <https://doi.org/10.1111/j.1752-0606.2005.tb01554.x>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Dores Cruz, T. D., Nieper, A. S., Testori, M., Martinescu, E., & Beersma, B. (2021). An integrative definition and framework to study gossip. *Group & Organization Management*, 46(2), 252-285. <https://doi.org/10.1177/1059601121992887>
- Fincham, F. D., & May, R. W. (2017). Infidelity in romantic relationships. *Current Opinion in Psychology*, 13, 70-74. <https://doi.org/10.1016/j.copsyc.2016.03.008>
- Freyd, J. J. (1996). *Betrayal trauma: The logic of forgetting childhood abuse*. Harvard University Press.
- Guitar, A.E., Geher, G., Kruger, D.J. *et al.* Defining and Distinguishing Sexual and Emotional Infidelity. *Curr Psychol* 36, 434–446 (2017). <https://doi.org/10.1007/s12144-016-9432-4>
- Haseli, A., Shariati, M., Nazari, A. M., Keramat, A., & Emamian, M. H. (2019). Infidelity and its associated factors: A systematic review. *Journal of Sexual Medicine*, 16(8), 1155-1169. <https://doi.org/10.1016/j.jsxm.2019.04.011>
- Jack, D. C., & Ali, A. (2010). *Silencing the self across cultures: Depression and gender in the social world*. Oxford University Press.
- Kennedy, A. C., & Prock, K. A. (2016). "I still feel like I am not normal": A review of the role of stigma and stigmatization among female survivors of child sexual abuse, sexual assault, and intimate partner violence. *Trauma, Violence, & Abuse*, 1-16. <https://doi.org/10.1177/1524838016673601>
- Klein, C., Wood, S., & Li, S. (2022). A qualitative analysis of gaslighting in romantic relationships. *Personal Relationships*, 29(4), 735-756. <https://doi.org/10.1111/pere.12447> (*Kajian terkini yang membuktikan taktik penafian dan pemindahan kesalahan (blame-shifting) secara spesifik dalam hubungan romantik*)
- Klein, W., Li, S., & Wood, S. (2023). A qualitative analysis of gaslighting in romantic relationships. *Personal Relationships*, 30(4), 1316–1340. <https://doi.org/10.1111/pere.12510>
- Maideen, K. H. A. M. (2021). Kajian prosedur dan penceraian Muslim di Mahkamah Syariah Singapura [A study of Muslim divorces and procedures in Syari'ah Court Singapore]. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 194-214.
- McNally, R. J. (2007). Betrayal trauma theory: A critical appraisal. *Memory*, 15(3), 280-294. <https://doi.org/10.1080/09658210701256506>
- Methot, J. R., Rosado-Solomon, E. H., Downes, P. E., & Gabriel, A. S. (2021). Office chit-chat as a social ritual: The uplifting yet depleting effects of daily small talk at work. *Academy of Management Journal*, 64(5), 1445-1471. <https://doi.org/10.5465/amj.2018.1474>
- Murray, Christine & Crowe, Allison & Akers, Whitney. (2015). How Can We End the Stigma Surrounding Domestic and Sexual Violence? A Modified Delphi Study with National Advocacy Leaders. *Journal of Family Violence*. 31. 10.1007/s10896-015-9768-9.
- Rahman, M. S. S. (2025). Infidelity: A psychological, sociological, and biological analysis (Chapter one: The definition and nature of infidelity). ResearchGate. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.12070.84806>
- Sweet, P. L. (2019). The sociology of gaslighting. *American Sociological Review*, 84(5), 851-875. <https://doi.org/10.1177/0003122419874843>
- Warach, B., & Josephs, L. (2021). The aftershocks of infidelity: A review of infidelity-based attachment trauma. *Sexual and Relationship Therapy*, 36(1), 68-90. <https://doi.org/10.1080/14681994.2019.1677883>
- Warach, B., & Josephs, L. (2021). The aftershocks of infidelity: A review of infidelity-based attachment trauma. *Sexual and Relationship Therapy*, 36(1), 1-23. 10.1080/14681994.2019.1577961.

Zito, M.; Ingusci, E.; Cortese, C.G.; Giancaspro, M.L.; Manuti, A.; Molino, M.; Signore, F.; Russo, V. Does the End Justify the Means? The Role of Organizational Communication among Work-fromHome Employees during the COVID-19 Pandemic. *Int. J. Environ. Res. Public Health* 2021, 18, 3933. <https://doi.org/10.3390/ijerph18083933>